

Pengurusan Air Pahang Berhad

KERATAN AKHBAR

TARIKH : DISEMBER 08, 2021 (RABU)
MEDIA : HARIAN METRO
BAHAGIAN : LOKAL
MUKA SURAT : 17

Harian Metro | Rabu 08.12.2021

Kebun musang king ganggu bekalan air

Kuantan: Kebun durian musang king dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyebabkan gangguan bekalan air dalam kawasan Bilut di Bentong, kata **Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail**.

Beliau berkata, loji rawatan air (LRA) di situ terpaksa menghentikan operasi apabila kekeruhan air mentah di Sungai Bilut tinggi selepas hujan lebat yang mengakibatkan penduduk sekitar mengalami gangguan bekalan air.

"Saya rasa Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bilut mesti tahu air tidak akan keruh semula jadi... mesti ada penyebabnya dan di Bilut, kebun musang king sedikit sebanyak menjejaskan air di kawasan itu," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Pahang di Wisma Sri Pahang di sini, semalam.


Wan Rosdy berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Lee Chin Chen (PH-Bilut)** yang ingin tahu tindakan diambil bagi mengatasi masalah gang-

guan bekalan air di Bilu yang berlaku selepas hujan lebat akibat kekeruhan air sungai.

Antara penyelesaian dilakukan, menurut Wan Rosdy ialah penambahbaikan LRA Sungai Bilut yang antara lain membabitkan kerja pembinaan tangki prae napan yang dijangka siap tahun depan.

Sementara itu, menjawab soalan **Razali Kassin (BN-Muadzam Shah)** mengenai jumlah pelaburan yang dibawa masuk antara Mac 2020 hingga Septem ber lalu, Wan Rosdy berkata jumlah pelaburan yang diluluskan Lembaga Pembiayaan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjumlah RM6.75 juta untuk 2020.

Daripada jumlah itu RM4.319 bilion ialah pelaburan langsung asing manakala untuk tahun ini, setakat Jun lalu jumlah pelaburan tempatan ialah RM441 juta dan RM508 juta bagi pelaburan asing, dengan kedua-duanya bakal menambah peluang pekerjaan di Pahang. - Bernama

phmetromy  www.hmetro.com.my

17

lokal